

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA				
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH				
1	Professional Development for Teachers (Penggayaan Professional Guru)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai medium perkongsian guru-guru bagi maklumat-maklumat persediaan mengajar yang terkini, padagogi dan teknik pengajaran pembelajaran norma baharu; • Merangka struktur kerja seperti perkongsian dan pembahagian dalam pembuatan soalan-soalan peperiksaan yang menepati standard bagi mencapai prestasi pencapaian keputusan peperiksaan yang diharapkan; • Menambahkan pengetahuan guru dalam matapelajaran yang diajarkan. 	<p>Diungkayahkan oleh setiap Unit Matapelajaran Pengajian Peringkat Menengah secara berjadual. ITQSHB mempunyai 7 Unit di bawah Jabatan Akademik :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Unit AL-Quran 2. Unit Bahasa Arab 3. Unit Dirasah Islamiyyah 4. Unit Sains 5. Unit Matematik, Perdagangan dan BAT 6. Unit Bahasa Inggeris 7. Unit Bahasa Melayu
UNIT PERUNDANGAN ISLAM				
2	Program Ta'di As - Suluk	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebarluaskan maklumat tentang perundangan syariah yang mengawal dan menjaga maslahah, moral dan akhlak kepada kanak-kanak atau remaja yang melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> i) Remaja yang mengandung di bawah umur dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013; ii) Pelajar yang berhenti sekolah ugama sebelum selesai tempoh yang diwajibkan dibawah Akta Pendidikan Ugama Wajib, Penggal 215; • Penyebarluaskan maklumat dibuat melalui jeryawara undang-undang ke sekolah-sekolah menengah Arab di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama. 	<p>Projek kolaborasi Unit Perundangan Islam (UPI) bersama Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak 2020 - 2024 seliaan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, di mana UPI sebagai peneraju bagi mendukung Strategi 2 dalam Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-Kanak 2020 - 2024: Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan sosial kanak - kanak - objektif 4: Memastikan keberkesanan program dan inisiatif untuk menangani isu kanak-kanak</p> <ol style="list-style-type: none"> i) Mengandung bawah umur ii) Dharar Syarie' di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam Penggal 217 iii) Pelajar yang berhenti sekolah Ugama sebelum selesai tempoh yang diwajibkan.
3	Halaqah Pengajian Kitab Al - Mu'tamad Fi Fiqh Al - Syafi'e	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pendedahan dan peningkattan pengetahuan serta kemahiran dalam mengkaji sumber rujukan undang-undang Islam; • Meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai hukum-hukum berkaitan waqaf; • Meningkatkan kemahiran Bahasa Arab bagi pegawai-pegawai Unit Perundangan Islam (UPI). 	<p>Pengajian Kitab Fiqh bertajuk "Al-Mu'tamad Fi Fiqh Al-Syafie" di bawah UPI berkenaan dengan penjelasan dalam Mazhab Syarie berkaitan waqaf.</p>
4	Penubuhan Bahagian Penterjemahan, Unit Perundangan Islam (UPI)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat penterjemahan teks undang-undang Brunei dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris; • Menyediakan draf terjemahan dan proofreading bagi rang undang-undang, dokumen-dokumen am dan lain-lain dokumen yang diarahkan dari masa ke semasa dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Arab; • Bekerjasama dengan Bahagian Penyesuaian, Bahagian Penggubalan, Bahagian Khidmat Nasihat dan Bahagian Pentadbiran UPI. 	<p>Menyediakan perkhidmatan penterjemahan undang-undang dan proofreading bagi meningkatkan kualiti proses penggubalan dan penyesuaian undang-undang negara serta nasihat perundungan dalam mendukung pelaksanaan undang-undang berdasarkan Hukum Syara', Perlembagaan Negara dan dasar-dasar Kerajaan.</p>
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH				
5	Penstrukturran Bahagian Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Syariah	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Membentuk struktur jabatan yang lebih komprehensif; • Memusatkan aliran kerja hal ehwal 	<p>Pada masa ini Jabatan Hal Ehwal Syariah mempunyai 3 Bahagian dibawahnya: Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kawalan Makanan Halal</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>pentadbiran yang sebelumnya dikendalikan dibahagian - bahagian akan dikendalikan sepenuhnya di Bahagian Pentadbiran;</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Melancarkan proses kerja harian di semua Bahagian. 	<p>Khidmat Nasihat Keluarga. Setiap bahagian mempunyai Unit Pentadbiran yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran masing-masing seperti proses permohonan dan persuratan sebelum dihadapkan atau dibuatkan salinan kepada Pengarah Hal Ehwal Syariah.</p> <p>Jabatan melihat wujudnya beberapa isu pentadbiran antaranya: pengurusan kerja dan persuratan yang kurang teratur dan mengambil masa yang agak lama, <i>multi-tasking</i> di kalangan pegawai dan kakitangan di Bahagian - Bahagian dan kekurangan tenaga perkeranian di Bahagian Pentadbiran.</p>
JABATAN URUSAN HAJI				
6	Perkiraan Bagi Menetapkan 12 Tahun Perkhidmatan Bagi Mendapatkan Kurnia Tambang Menunaikan Fardhu Haji Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan	Dasar	Menyelaraskan perkiraan tempoh 12 tahun perkhidmatan dengan tarikh lazim penerbangan pertama jemaah haji Negara Brunei Darussalam ke Tanah Suci iaitu pada setiap 15 Zulkaedah.	<p>Jabatan Urusan Haji melalui Unit Kurnia Tambang, Bahagian Pengurusan Haji, telah mengemaskini perkiraan tempoh 12 tahun perkhidmatan bagi mendapatkan kurnia tambang menunaikan fardhu haji dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Pengurniaan Tambang bagi Menunaikan Fardhu Haji iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bermula tahun 1441H / 2020M: Perkiraan selama 12 tahun perkhidmatan ialah dikira berterusan dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan sama ada perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan atau <i>open vote</i> hingga 15 Zulkaedah (tarikh hijrah lazimnya bakal jemaah haji bertolak ke Tanah Suci); ● Sebelumnya: Perkiraan selama 12 tahun perkhidmatan ialah dikira berterusan dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan sama ada perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan atau <i>open vote</i> hingga tarikh menerima borang permohonan.
7	Memasukkan Takaful Haji dan Umrah dari Takaful Brunei Keluarga (TBK) Sdn Bhd dalam syarat - syarat pendaftaran Haji	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempelbagaikan pilihan kaedah simpanan atau tabungan bagi membolehkan pemohon memenuhi syarat untuk menunaikan ibadat haji; ● Membolehkan pemohon yang memiliki Sijil Takaful Haji dan Umrah, Takaful Brunei Keluarga (TBK) memenuhi salah satu syarat untuk menunaikan ibadat haji. 	<p>Jabatan Urusan Haji Melalui Unit Pendaftaran, Bahagian Pengurusan Haji telah menambah "Sijil Takaful Haji dan Umrah" di Takaful Brunei Keluarga (TBK) ke dalam Syarat - Syarat Pendaftaran Menunaikan Ibadat Haji disamping akaun tekad haji di Perbankan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan akaun simpanan Haji Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang sedia ada sebelum ini digunakan sebagai simpanan atau tabungan bagi membolehkan pemohon untuk menunaikan ibadah haji bermula tahun 1442H.</p>
JABATAN PENGAJIAN ISLAM				
8	Talian Syifa	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Mendokong usaha Kerajaan dalam memeduli kesejahteraan mental masyarakat khususnya ketika menghadapi COVID 19; ● Menyediakan perkhidmatan panggilan bagi Guru, pelajar dan penjaga serta kakitangan dalam menghadapi isu - isu yang dihadapi; ● Talian ini berperanan untuk memberikan khidmat nasihat, sokongan moral serta motivasi dalam menangani situasi yang 	<p>Talian ini diwujudkan dalam persediaan menghadapi pandemik COVID 19 terutama ketika perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, masyarakat semangnya terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental. Tekanan tidak hanya dihadapi oleh pelajar malahan juga guru - guru dan juga kakitangan. Jabatan Pengajian Islam giat melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menghadapi gelombang kedua</p>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>dihadapi;</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Menubuhkan talian bantuan yang berkesan yang dikendalikan oleh kaunselor yang terlatih. 	<p>pandemik khususnya dalam pembelajaran secara dalam talian.</p> <p>Oleh itu, Jabatan Pengajian Islam melalui Unit Perkhidmatan Kaunseling, Bahagian Pentadbiran berinisiatif untuk mengadakan satu talian yang khusus untuk membantu khususnya bagi guru - guru, pelajar - pelajar dan para ibu bapa serta penjaga bagi persekolahan Arab dan Ugama.</p> <p>Talian ini diwujudkan semenjak 16 Ogos 2021 dan mendapat banyak pemanggil memerlukan sokongan emosi dan juga kaunseling khusus cara mengendalikan pembelajaran anak - anak, masalah keluarga dan dokongan emosi.</p>
9	Program Kehadiran Pelajar bagi Sekolah - Sekolah Arab dan Ugama	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ● Memantau kehadiran pelajar / murid Persekolahan Arab dan Ugama; ● Mendokong inisiatif Jabatan Pengajian Islam selaras dengan Sasaran Rancangan Strategik KHEU 2020 - 2024 ke arah meningkatkan pencapaian peperiksaan awam; ● Memudahkan proses pengumpulan data dan menjadikan rujukan utama pihak jabatan / sekolah berkaitan dengan kehadiran pelajar dengan menggunakan platform yang sama; ● Menambahbaik aktiviti pentadbiran dengan meningkatkan sistem pengurusan dan kepimpinan sekolah. 	<p>Pemantauan Kehadiran Pelajar (PKP) merupakan inisiatif Jabatan Pengajian Islam ke arah memastikan pencapaian sasaran KPI 1.3 iaitu Peratus Peningkatan Pencapaian Peperiksaan Awam (STPUB, SPUB, dan SSSRU) dan Fokus Strategik, Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020 - 2024. Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan pencapaian dari aspek kehadiran pelajar - pelajar di persekolahan Arab dan murid - murid di sekolah - sekolah ugama seluruh negara. Pemantauan kehadiran pelajar ini diharatkan akan lebih berkesan dan teratur kerana ia diaksanakan secara berpusat, berterusan dan komprehensif.</p> <p>Bagi merealisasikan hasrat pemantauan kehadiran pelajar untuk dijalankan secara berpusat, Jabatan telah memperkenalkan satu sistem iaitu "Sistem Pemantauan Kehadiran Pelajar (SPKP)".</p> <p>Pembinaan Sistem Pemantauan Kehadiran Pelajar bermula pada Disember 2020, beberapa penelitian telah dibuat dan proses - proses penambahbaikan juga diusahakan sehingga wujudnya sistem yang lebih komprehensif dan menyeluruh. Ini adalah hasil daripada buah fikiran, pandangan serta cadangan daripada pihak - pihak yang berkaitan di Jabatan Pengajian Islam.</p> <p>Sistem PKP ini menggunakan gabungan aplikasi Microsoft Excel, Microsoft Sharepoint dan Microsoft Onedrive. Sistem ini mempunyai pautan secara langsung dengan pihak Jabatan Pengajian Islam yang bertujuan bagi memudahkan kumpulan dan penyimpanan data secara berpusat sepetimana yang diharatkan.</p>